

Siri
4



جامعة إسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KONSEP **RAHMAH** DALAM INSTITUSI **KELUARGA**

Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM





KONSEP RAHMAH DALAM INSTITUSI KELUARGA

DR. MOHD IZWAN BIN MD YUSOF
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

www.islam.gov.my

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan risalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara-cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya.


Pencetak:

Firdaus Press Sdn. Bhd.
No. 28, Jalan PBS 14/4
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor



KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	iv
SEULAS PINANG	v
PENDAHULUAN	1
RAHMAH DALAM KELUARGA	2
KEPENTINGAN KELUARGA SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI	5
MENOLAK SALAH FAHAM ANJURAN UNTUK TIDAK BERKAHWIN	7
RAHMAH DALAM MEMUDAHKAN PERKAHWINAN UNTUK GOLONGAN MUDA	11
RAHMAH SEORANG SUAMI DAN BAPA	13
RAHMAH SEORANG ISTERI DAN IBU	15
RAHMAH SEORANG ANAK	16
RAHMAH SEBUAH KELUARGA MISALI	17
PENUTUP	19
RUJUKAN	20



SEKAPUR SIRIH

YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
Menteri di Jabatan Perdana Menteri




Alhamdulillah, saya merakamkan berbanyak kesyukuran pada Allah SWT kerana masih diberikan kesempatan untuk berada dalam nikmat Iman, Islam dan Ihsan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan tabi'in RA.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua para penulis dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atas usaha menyiapkan buku ini. Buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah sebanyak 10 buah tajuk ini tampil memberi pencerahan tentang konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam pelbagai disiplin kehidupan dan prinsip kenegaraan. Buku ini padat dengan fakta ilmiah dan penghujahan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith menurut epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia Baharu. Semoga harapan kita untuk memanifestasikan Malaysia Negara Rahmah menjadi kenyataan. Didoakan agar usaha ini juga menjadi amalan jariah untuk kita semua.





SEULAS PINANG

Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya buku Penjelasan Konsep Malaysia Negara Rahmah dapat diterbitkan dengan jayanya.

Buku ini menghimpunkan 10 siri artikel yang ditulis oleh para ilmuwan terpilih bagi menjelaskan konsep sebenar *Rahmatan Lil 'Alamin* yang diterapkan kerajaan. Ia membicarakan tentang Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* secara menyeluruh merangkumi konsep rahmah dalam kehidupan, pengurusan alam sekitar, tadbir urus, institusi keluarga, masyarakat majmuk, perundangan, sosioekonomi, pengurusan orang kelainan upaya (OKU), urusan muamalat, dan pengurusan institusi masjid. Uniknya, buku ini dikupas berdasarkan kepada dapatan kajian dan pengalaman para penulisnya sendiri.

Saya mengharapkan agar buku ini dapat dijadikan panduan dan rujukan bagi menjelaskan *Konsep Rahmatan Lil 'Alamin* kepada segenap lapisan masyarakat mengikut bahagian-bahagian yang ditulis. Semoga ia juga menjadi wacana dakwah yang berterusan untuk kita semua.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat bagi menjayakan penerbitan buku ini. *Jazakumullah khayral jazak.*

Sekian.

“Melebar Risalah Menyantuni Ummah”

Mohamad Nordin








PENDAHULUAN

Islam merupakan suatu agama yang menyantuni kehendak manusia dalam usaha menjadi hamba Allah SWT yang taat kepada-Nya. Justeru, penciptaan lelaki dan perempuan serta ketertarikan di antara dua jantina yang berlainan jenis ini, merupakan salah satu cara untuk meneruskan kelangsungan zuriat daripada satu generasi kepada satu generasi.

Islam juga mensyariatkan perkahwinan dan menetapkan peraturan yang sempurna berdasarkan prinsip yang kukuh bagi menjamin kestabilan masyarakat, kebahagiaan keluarga, tersebarnya kebaikan dan pemeliharaan budi pekerti sebagaimana firman Allah SWT pada ayat 21, Surah ar-Rum yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), daripada isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.”



RAHMAH DALAM KELUARGA

Berdasarkan ayat di atas, Imam al-Tabari mentafsirkan bahawa antara tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dan bukti kebesaranNya ialah, Dia menciptakan untuk bapa kamu iaitu Adam AS daripada dirinya iaitu Hawa. Ia bertujuan agar Adam AS merasa tenteram kepadanya dan Hawa diciptakan daripada salah satu tulang rusuk Adam. Dengan menjalinkan hubungan kekeluargaan dengan perkahwinan di antara kamu, dijadikannya kasih sayang di antara kamu. Oleh itu, atas rahmat Allah SWT di antara suami dan isteri, wujudlah perasaan saling sayang menyayangi sesama mereka.

Ibn Kathir pula menerangkan ayat 21, Surah ar-Rum merujuk kepada penciptaan Allah SWT daripada jenis wanita sebagai pasangan hidup seorang lelaki. Ia selari dengan makna ayat 189, Surah al-A'raf yang menyatakan Allah SWT menciptakan Hawa daripada jiwa yang satu iaitu Adam AS Bahkan, Allah SWT menciptakan Hawa daripada tulang rusuk sebelah kiri Adam AS yang pendek. Ibn Kathir turut menegaskan maksud daripada jenis kamu sendiri ialah daripada jenis manusia. Seandainya golongan lelaki daripada jenis manusia, manakala golongan wanita daripada jenis makhluk lain seperti jin dan haiwan, pasti tidak wujud keserasian dan kesesuaian di antara pasangan tersebut.

Seterusnya Ibn Kathir menyatakan bahawa, Allah SWT menciptakan rasa rahmah dan kasih sayang di antara seorang lelaki yang menikahi seorang wanita sebagai isterinya dengan cara isteri itu melahirkan anak

dari rahimnya, seorang isteri memerlukan nafkah daripada suaminya di samping mewujudkan rasa cinta di antara mereka.

Selanjutnya, Sayyid Qutb menjelaskan berdasarkan ayat 21, Surah ar-Rum di atas, manusia lelaki dan perempuan sememangnya mengetahui perasaan mereka terhadap satu sama lain. Mereka mengetahui bahawa hubungan di antara dua jenis dan berlainan inilah yang memenuhi keperluan saraf dan perasaan mereka. Mereka menyedari bahawa kegiatan hidup mereka didorong oleh pelbagai bentuk dan perasaan dan kecenderungan yang wujud di antara lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun, hanya sedikit dalam kalangan mereka yang menyedari kudrat Allah SWT yang telah menciptakan pasangan suami isteri daripada jenis kejadian yang sama dan diisi dengan perasaan di dalam jiwa mereka. Ia tidak lain bertujuan untuk menjadikan hubungan suami isteri itu sebagai sumber ketenangan jiwa dan saraf mereka, kerehatan jasmani dan hati mereka, kemantapan hidup mereka, kemesraan rohani dan hati nurani mereka serta ketenteraman golongan lelaki dan golongan perempuan seluruhnya.

Penjelasan al-Qur'an yang lemah-lembut menggambarkan betapa hubungan lelaki dan perempuan ini dengan gambaran yang amat menarik, seolah-olah ia diambil dari dalam lubuk hati dan perasaan. Ternyata, kesemua bukti ini merupakan bukti kekuasaan Allah SWT bagi mereka yang memahami kebijaksanaan Allah SWT. Dengan penciptaan dua jenis manusia yang membolehkan mereka memenuhi keperluan fitrah semula jadi dari segi jiwa, akal dan jasmani, ia juga mewujudkan hubungan mesra, *rahmah* dan belas ihsan serta rasa yang padu untuk melahirkan satu hayat yang baru dalam bentuk satu generasi yang baru.

Manakala al-Maraghi dalam membahaskan ayat 21, Surah al-Rum, menerangkan antara tanda yang menunjukkan adanya hari kebangkitan

dan dikumpulkan seluruh manusia di hadapan Allah SWT ialah dengan menjadikan bidadari daripada isteri kamu sendiri untuk menikmati kebahagiaannya. Secara tidak langsung, Dia menanamkan rasa cinta dan kasih sayang, rahmah dan belas ihsan, ketenangan dan kebahagiaan bagi membentuk kehidupan keluarganya dengan sistem yang baik.

Al-Maraghi menghuraikan lagi ‘dengan penciptaan kamu daripada tanah, kemudian diciptakan isteri kamu daripada diri kamu sendiri’ dilakukan dengan perasaan cinta dan kasih sayang. Ia menunjukkan adanya pengajaran bagi mereka yang memikirkan kejadian tersebut yang mengandungi pelbagai hikmah dan kebaikan. Sesungguhnya semua ciptaan itu tidak sia-sia, sebaliknya mempunyai pelbagai maksud dan tujuan. Justeru, menjadi tanggungjawab bagi orang yang berakal dan bijaksana memikirkan perkara tersebut supaya dapat mengetahuinya dengan jelas dan terperinci.



KEPENTINGAN KELUARGA SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI

Sebagai agama yang praktikal, Islam merupakan panduan cara hidup dari segala aspek kehidupan termasuk seksualiti manusia. Walaupun Islam mengesahkan hubungan seksual dalam perkahwinan sebagai suatu nikmat dan salah satu daripada rahmat Allah SWT kepada insan, namun pada waktu yang sama Islam menegah sekeras-kerasnya hubungan seksual luar nikah. Islam menghukum mereka yang terlibat dengan jenayah seks seperti zina, rogol dan liwat. Tujuannya adalah untuk mencegah jenayah yang melanggar tatasusila kekeluargaan dan kemasyarakatan daripada terus berleluasa.


Kajian tentang sistem hukuman dalam Islam berupaya menyerlahkan lagi kaedah cara untuk mencegah maksiat dan mencungkil kebijaksanaan yang terkandung dalam hukumannya. Ia bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah, antaranya ialah untuk *hifz al-Nasb* atau menjaga keturunan. Ia bagi memastikan seorang individu Muslim yang baik terpelihara maruahnya dan terhias peribadinya dengan akhlak yang luhur kerana berupaya untuk mengekang dirinya daripada menurut runtunan hawa nafsu.

Antara tujuan utama membina keluarga dalam Islam ialah untuk mencari keredhaan Allah SWT. Selain itu, dengan pembinaan keluarga, seseorang Muslim berusaha untuk mengikuti sunnah Rasulullah SAW, mendapatkan zuriat solehah, memelihara maruah diri, mencari sakinah (ketenangan jiwa), memperoleh rahmah dan menghasilkan mawaddah

(cinta dan kasih sayang) di antara pasangan suami dan isteri. Ia bertepatan dengan anjuran Nabi SAW di dalam hadith Baginda yang bermaksud:

“Kahwinilah kamu akan wanita yang penyayang, subur kerana aku merasa bangga dengan memiliki umat yang banyak.” [Riwayat Abu Daud]

Hadith ini merupakan salah satu petunjuk atau *hadyu nabawi* dalam memilih pasangan hidup. Tuntutan ini bukanlah bersifat wajib, bahkan ia merupakan satu galakan kerana Nabi SAW berbangga melihat umatnya ramai di akhirat kelak. Seperkara lagi, anak merupakan rezeki daripada Allah SWT dan Allah SWT berhak untuk memberikan rezeki tersebut kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.



MENOLAK SALAH FAHAM ANJURAN UNTUK TIDAK BERKAHWIN

Mutakhir ini, terdapat suatu anjuran oleh segelintir pihak agar berasa selesa dengan kehidupan membujang. Ini kerana, berdasarkan pandangan mereka, kos perkahwinan masa kini adalah sangat tinggi. Kos sara hidup yang semakin meningkat, peluang pekerjaan yang terhad ataupun tidak mahu memikirkan persoalan pasangan hidup, adalah antara faktor mengapa idea sebegini timbul dalam masyarakat.

Justeru, penulis mengajak para pembaca untuk merenung firman Allah SWT di dalam surah al-Nur pada ayat 32 yang bermaksud:

“Dan kahwinkanlah orang bujang (lelaki dan perempuan) dalam kalangan kamu dan orang-orang yang soleh daripada hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka daripada limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

Imam al-Tabari mentafsirkan ayat di atas bahawa jika mereka yang kamu nikahkan daripada lelaki atau wanita, hamba perempuan dan hamba termasuk dalam golongan yang miskin, sesungguhnya Allah SWT akan memuliakan mereka dengan kurnia-Nya, maka janganlah kemiskinan itu menghalang mereka untuk bernikah. Imam al-Tabari juga menuliskan riwayat daripada Ibn ‘Abbas RA bahawa Allah SWT memerintahkan dan mendorong mereka untuk bernikah. Dia juga menyuruh untuk menikahkan

orang merdeka dan hamba mereka, serta menjanjikan pernikahan dengan kekayaan. Selain itu, riwayat daripada Ibn Mas'ud menyebut supaya mencari kekayaan melalui jalan pernikahan. Imam al-Tabari merumuskan bahawa Allah SWT Maha Luas kurniaan-Nya dan Maha Pemurah dalam pemberian-Nya akan melapangkan rezeki mereka dengan kurnian-Nya jika mereka miskin dan Dia Maha Mengetahui golongan miskin dan kaya antara kamu, tidak ada yang tersembunyi baginya.

Ibn Kathir pula menyatakan berdasarkan hadith berkenaan, mengandungi suruhan Allah SWT untuk berkahwin. Perkataan *al-Ayama* merupakan jamak daripada perkataan *aimun*. Ia bermaksud seorang perempuan yang belum mempunyai suami dan seorang lelaki yang belum mempunyai isteri. Ibn Kathir juga menukilkan kata-kata Abu Bakar al-Siddiq RA yang menyuruh manusia supaya mentaati Allah SWT dengan apa yang telah diperintahkan iaitu perkahwinan. Sesungguhnya perkahwinan itu akan membolehkan kamu memperoleh kekayaan. Ibn Kathir menjelaskan kekayaan yang dijanjikan Allah SWT itu merujuk kepada rezeki yang cukup kepada pasangan yang berkahwin.

Sementara itu, al-Syawkani menerangkan bahawa Allah SWT mengarahkan agar perkara yang halal iaitu pernikahan untuk lelaki dan perempuan merdeka serta hamba lelaki dan hamba perempuan dilaksanakan untuk memenuhi keinginan syahwat dan memudahkan untuk menundukkan pandangan daripada yang diharamkan serta memelihara kemaluan daripada yang tidak halal. Para ulama juga berselisih pendapat tentang hukum nikah. Imam al-Syafi'i mengatakan ianya *mubah* (harus). Manakala Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan *mustahab* (sunat). Sebahagian lain pula mengatakan, jika seseorang bimbang dirinya terjerumus dalam kemaksiatan, maka hukumnya adalah wajib. al-Syawkani merumuskan pendapat yang mengatakan harus dan sunat

tidak menyalahi pendapat yang mengatakan wajib pada ketika bimbang terjerumus maksiat.

Seterusnya, Sayyid Qutb membahaskan perkahwinan merupakan satu-satunya jalan *tabie* untuk menghadapi keinginan seks semulajadi dan merupakan satu-satunya matlamat yang bersih bagi keinginan yang mendalam ini. Oleh itu, segala halangan di tengah jalan perkahwinan perlu dihapuskan supaya kehidupan dapat berlangsung secara *tabie* dan mudah. Halangan kewangan merupakan halangan utama untuk berumahtangga selain daripada memperkuuh pertahanan diri (daripada digoda nafsu). Sebagai sistem hidup yang lengkap dan sepadu, Islam tidak mewajibkan manusia menjaga kesucian diri, melainkan setelah ia menyediakan segala jalan keluar ke arah itu dan menjadikannya mudah digunakan oleh semua individu yang normal. Ketika itu, tiada lagi individu yang ingin menggunakan jalan sumbang untuk memuaskan nafsu mereka, melainkan individu yang menyeleweng daripada jalan yang bersih dan mudah dengan sengaja tanpa terpaksa.

Justeru, tegas Sayyid Qutb, Allah SWT memerintahkan masyarakat Muslim supaya menolong orang-orang yang dihalang dengan kesulitan kewangan untuk membolehkannya melangsungkan pernikahan yang halal. Maksud orang bujang ialah orang yang belum bersuami atau beristeri daripada lelaki dan perempuan yang merdeka, dan selepas itu al-Qur'an sebut hamba secara khusus. Meskipun jumhur ulama menyatakan perintah perkahwinan adalah sunnah yang tidak wajib, namun Sayyid Qutb berpandangan wajib bukan dengan maksud memaksa orang bujang berkahwin. Tetapi wajib memberi pertolongan kepada orang yang ingin berkahwin dan mahu mengukuhkan pertahanan diri mereka (godaan nafsu), kerana ia salah satu pencegahan maksiat zina yang amali dan dapat membersihkan masyarakat Islam daripada kejahatan seks.

Al-Maraghi dalam tafsirnya pula menjelaskan setelah Allah SWT menyuruh orang beriman lelaki dan perempuan untuk menahan pandangan mereka dan memelihara kehormatan untuk mengelakkan perzinaan dalam ayat 30 dan 31, Surah al-Nur, maka dalam ayat 32, Surah al-Nur ini Allah SWT menyuruh orang yang hidup bujang (tidak beristeri atau bersuami) supaya dikahwinkan kerana ia merupakan cara meramaikan golongan manusia, di samping memelihara keturunan sehingga dapat menambah perasaan kasih sayang mereka terhadap anak-anak.

Di dalam ayat ini, tegas al-Maraghi terdapat perintah kepada para wali untuk mengahwinkan orang yang di bawah tanggungjawabnya dalam kalangan lelaki dan wanita yang mampu berkahwin dan mampu menunaikan hak suami isteri, sihat tubuh badan dan mempunyai harta. al-Maraghi juga menyatakan ayat ini menganjurkan supaya lelaki dan wanita fakir berkahwin, kerana nikmat Allah SWT sentiasa berterusan, sedangkan harta mudah datang dan hilang. Dia akan melapangkan kehidupan pasangan suami isteri dan selain mereka sesuai dengan kebijaksanaan-Nya.

Oleh itu, berdasarkan penjelasan para *mufassirin* di atas, jelas menunjukkan bahawa idea untuk tidak berkahwin dan terus hidup membujang, adalah idea yang tidak sepatutnya dipromosi dalam masyarakat Islam masa kini, demi kelangsungan institusi keluarga yang akan melahirkan generasi pewaris negara pada masa hadapan.



RAHMAH DALAM MEMUDAHKAN PERKAHWINAN UNTUK GOLONGAN MUDA


Seperti yang kita maklumi, golongan muda pada hari ini terdedah dengan pelbagai cabaran sama ada dalam bentuk dalaman atau luaran. Bisikan hawa nafsu dan bisikan syaitan agar mengutamakan tuntutan syahwat dan mengenepikan suruhan agama adalah antara cabaran dalaman yang perlu dihadapi oleh setiap kita. Ia ditambah dengan kepesatan teknologi dan ledakan maklumat yang tidak terkawal dalam media sosial dan media massa.

Bahan-bahan yang merangsang nafsu syahwat seperti pornografi dan aplikasi tertentu di telefon bimbit adalah antara cabaran luaran yang boleh merosakkan minda dan jiwa golongan muda, yang akhirnya boleh menyebabkan mereka terjerumus kepada perlakuan zina dan seks bebas.

Justeru, penulis berpandangan agar anjuran perkahwinan beramai-ramai dan membantu golongan muda yang tidak berkemampuan untuk berkahwin dengan menanggung kos asas dalam walimah atau kenduri kahwin perlu dipergiatkan. Ia selari dengan elemen rahmah dalam Islam, yang berusaha memudahkan penganutnya untuk beramal dengan ajaran agama dengan sebaik mungkin.

Rasulullah SAW dalam sebuah hadith pernah menggalakkan golongan muda yang berkemampuan untuk berkahwin. Hadith Baginda bermaksud:

“Wahai golongan pemuda sesiapa yang mempunyai kemampuan dalam kalangan kamu hendaklah dia berkahwin kerana ianya boleh menundukkan pandangan mata dan memelihara kemaluhan. Sesiapa yang tidak mempunyai kemampuan, hendaklah dia berpuasa kerana puasa menjadi pelindung kepadanya”. [Riwayat al-Bukhari]



RAHMAH SEORANG SUAMI DAN BAPA

Seorang suami dan bapa perlu menyedari peranan yang penting dalam keluarganya. Ini kerana, seorang suami dan bapa bertindak sebagai ketua keluarga. Layanan dan beliainya dengan cara yang terbaik, lemah lembut dan penuh rahmah kepada isteri dan anak-anak, sangat dituntut dalam agama. Ia boleh dilihat berdasarkan beberapa hadith Nabi SAW seperti berikut:

Orang yang imannya paling sempurna antara kaum mukminin adalah orang yang paling bagus akhlaknya di antara mereka dan sebaik-baik kalian adalah yang terbaik akhlaknya terhadap isteri-isterinya.” [Riwayat Tirmidzi dan Abu Daud]

“Bersikaplah adil antara anak-anak kalian dalam hibah, sebagaimana kamu menginginkan mereka berlaku adil kepada kamu dalam berbakti dan berlemah lembut”. [Riwayat al-Baihaqi]

“Mulailah dengan diri kamu, bersedekahlah kepada diri kamu. Jika ada lebihan maka untuk isteri kamu. Jika ada lebihan, maka untuk ahli keluarga kamu. Jika ada lebihan lagi maka untuk begini dan begini yakni untuk orang di hadapan kamu, di kanan dan kiri kamu” [Riwayat Muslim]


Justeru, seorang suami dan bapa yang beriman dan bertanggungjawab akan sedaya upaya memastikan seluruh ahli keluarganya sentiasa menunaikan ketaatan kepada Allah SWT dari aspek ibadah, syariah dan akhlak mereka. Ia bertepatan dengan penegasan Allah SWT agar orang

yang beriman sentiasa berusaha memelihara diri mereka dan ahli keluarga mereka daripada menjadi bahan bakar api neraka sebagaimana firman-Nya pada ayat 6, Surah al-Tahrim yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarannya terdiri daripada manusia dan batu (berhala)…”

Selain itu, seorang suami dan bapa perlu sentiasa berdoa dan bertawakkal kepada Allah SWT agar dianugerahkan pasangan dan anak yang taat kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT pada ayat 74, Surah al-Furqan yang bermaksud:

“Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh daripada isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa.”



RAHMAH SEORANG ISTERI DAN IBU

Seorang isteri dan ibu pula mesti menyedari bahawa peranannya juga sangat penting dalam keluarganya. Ini kerana, seorang isteri dan ibu bertindak sebagai pembantu kepada ketua keluarga. Justeru, pengorbanan seorang ibu dalam memelihara keluarganya dapat dilihat berdasarkan pesanan Nabi SAW di dalam hadith berikut:

“Dan hak kamu (suami) atas mereka (isteri) ialah mereka (isteri) sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang kamu tidak sukai ke dalam rumah kamu dan dilarang melakukan zina.” [Petikan daripada Khutbah Wida’ Nabi SAW di Padang Arafah pada 9 Zulhijjah, tahun 10 Hijrah].

“Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya dan akan diminta pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya.” [Riwayat Muslim]

Oleh itu, seorang ibu perlu berusaha menjadi teladan yang baik kepada suami dan anak-anaknya agar sifat rahim atau kasih sayang yang ada padanya, sentiasa mengalir dalam keluarganya. Seorang ibu akan menjadi tunjang utama keluarga pada saat ketiadaan suami di rumah dan menjadi pendidik yang sejati dalam rumah kepada anak-anaknya.



RAHMAH SEORANG ANAK

Seorang anak selamanya wajib memahami tugas dan tanggungjawabnya untuk berbakti kepada dua orang tuanya. Ini kerana anak yang soleh dan solehah adalah dambaan setiap ibu dan bapa. Doa mereka mampu memberi kesejahteraan kepada ibu dan bapa yang telah meninggal dunia. Peringatan Nabi SAW berhubung tanggungjawab seorang anak dapat dilihat pada hadith berikut:

“Seorang laki-laki datang kepada Rasulullah SAW sambil berkata; “Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling berhak aku berbakti kepadanya?” Beliau menjawab: “Ibumu.” Dia bertanya lagi; “Kemudian siapa?” beliau menjawab: “Ibumu.” Dia bertanya lagi; “kemudian siapa lagi?” beliau menjawab: “Ibumu.” Dia bertanya lagi; “Kemudian siapa?” dia menjawab: “Kemudian ayahmu.” Ibn Syubrumah dan Yahya bin Ayyub berkata; telah menceritakan kepada kami Abu Zur’ah hadith seperti di atas.” [Riwayat Bukhari dan Muslim]



RAHMAH SEBUAH KELUARGA MISALI

Sebuah keluarga yang misali atau keluarga contoh akan sentiasa dicemburui oleh keluarga yang lain. Ini kerana mereka akan sentiasa dijadikan contoh yang terbaik oleh keluarga yang lain. Bermula daripada memiliki kediaman yang baik, kenderaan yang selesa, hubungan yang baik dan penuh rahmah sesama ahli keluarga, akhlak yang mulia, sentiasa memudahkan urusan orang lain, melayani jiran tetangga dengan baik adalah antara ciri keluarga mithali yang perlu dijadikan panduan. Bahkan Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Antara (tanda) kebahagiaan seseorang ialah rumah yang luas, jiran yang soleh dan kenderaan tunggangan yang elok.” [Riwayat al-Bukhari]

Justeru, pesanan yang baik yang perlu direnung bersama daripada Sahibussamahah Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli al-Bakri,


“Antara asbab kebahagiaan sesebuah keluarga ialah kejujuran dalam melayari bahtera kehidupan di mana setiap pasangan bertangungjawab dan peranan masing-masing. Lebih besar daripada itu, mereka hendaklah menzahirkan pengorbanan dan inilah kebahagiaan hakiki. Sentiasa mengutamakan solat berjemaah dan solat malam dan inilah ikatan paling kukuh dan paling baik untuk pasangan. Apabila kukuh “Hab lun Minallah” (hubungan dengan Allah SWT), maka ikatan suami isteri juga akan

kukuh sama. Seterusnya, mengambil iktibar daripada pasangan lain, yang baik dijadikan teladan dan yang tidak baik dijadikan sempadan. Dan perbanyakkan doa seperti yang diajar oleh Islam itu sendiri. Inilah senjata ampuh bagi umat Islam.”



PENUTUP

Orleh yang demikian, dalam usaha membina rahmah dalam keluarga kita adalah suatu usaha yang berterusan. Ia perlu berteraskan panduan agama yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ia bagi memastikan kita terpandu menurut petunjuk Ilahi dan Rasul-Nya. Tanpanya, kita akan hilang arah ibarat seseorang yang hilang pedoman akibat tersesat di lautan, padang pasir yang kering-kontang atau pun hutan belantara yang luas terbentang. Semoga Allah SWT merahmati kita semua sebagai hamba-Nya yang berusaha mencari keredhaan-Nya dalam kehidupan berkeluarga.



RUJUKAN

Al-Qur'an, Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan
Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an. 2005.
Edisi Kedua Belas. Kuala Lumpur : Dar al-Fikr.

Alli Haroun Sheik. 2010. *Sexual Issues in Modern Era and it's solution.*
New Delhi : Adam Publishers and Distributors.

Mustafa al-Khin et.al, *al-Fiqh al-Manhajiy Mazhab al-Syafeie.* Terj.
Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam
Malaysia.

Hatta Sidi et.al. 2006. *Seksualiti Manusia : Keharmonian Jalinan Antara
Jantina.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Tabari. *Tafsir al-Tabari.* 1995.

Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim.* 1990.

al-Syawkani, *Fath al-Qadir.* 1988

Sayyid Qutb. *Tafsir fi Zilal al-Qur'an.* 1998.

al-Maraghi. *Tafsir al-Maraghi.* 1965.

Sahih Bukhari

Sahih Muslim

Sunan al-Tirmidhi

Sunan Abu Dawud

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2177-bayan-linnas-siri-ke-121-nikah-mencari-sakinah-rahmah-dan-mawaddah>. Diakses pada 17 Julai 2019.



KONSEP **RAHMAH** DALAM INSTITUSI **KELUARGA**

Dalam usaha membina rahmah dalam keluarga kita adalah suatu usaha yang berterusan. Ia perlu berteraskan panduan agama yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ia bagi memastikan kita terpandu menurut petunjuk Ilahi dan Rasul. Tanpanya, kita akan hilang arah ibarat seseorang yang hilang pedoman akibat tersesat di lautan, padang pasir yang kering-kontang ataupun hutan belantara yang luas terbentang. Semoga Allah SWT merahmati kita semua sebagai hamba-Nya yang berusaha mencari keredhaan-Nya dalam kehidupan berkeluarga.